

Dalam petikan 1 terdapat enam kesalahan bahasa manakala dalam petikan 2 terdapat lima kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Bagi setiap petikan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.

Petikan 1

Sultan Perak bertitah, penilai keadaan rasuah wajib dilakukan secara jujur, ikhlas, dan berfakta agar boleh dijadikan bukti bahawa kita sangat serius mahu membendung, memerangi atau menghapuskan rasuah. Beliau bertitah, hal ini demikian kerana rasuah dikenal pasti sebagai salah satu sebab utama yang membantutkan pertumbuhan ekonomi dan menjejaskan pelaburan asing ke negara kita. Selain itu, hal ini boleh meningkatkan kos pentadbiran urusan niaga dan mendorong berlakunya ketidakstabilan politik. Titah baginda, rasuah mengakibatkan pembangunan yang tidak lestari, pencemaran alam sekitar, pemberian kekayaan tidak seimbang dan ketirisan khazanah negara.

Dipetik dan diubah suai daripada
Berita Harian, September 2022

[6 markah]

Petikan 2

Integriti sangat penting. Namun begitu, integriti bukan lahir dengan sendirinya di dalam diri setiap individu. Integriti perlu dipupuk sejak kecil melalui institusi kekeluargaan secara turun temurun. Oleh hal yang demikian, bila seseorang individu mulai menyertai alam pekerjaan, integriti telah pun mendarah daging. Hal ini akan memudahkan mereka menyesuaikan diri dengan budaya kerja positif dan cemerlang di tempat kerja masing-masing selain mengurungi risiko untuk terjebak dalam aktiviti salah laku di tempat kerja.

Dipetik dan diubah suai daripada

Petikan 1

- | | | |
|-----------------|---|------------|
| i) penilai | - | penilaian |
| ii) atau | - | dan |
| iii) Beliau | - | Baginda |
| iv) ke | - | di |
| v) urusan niaga | - | urus niaga |
| vi) pemberian | - | pengagihan |

Petikan 2

- | | | |
|--------------------|---|---------------|
| i) bukan | - | tidak |
| ii) di dalam | - | dalam |
| iii) turun temurun | - | turun-temurun |
| iv) bila | - | apabila |
| v) mengurungi | - | mengurangkan |

Maka titah baginda, “Bagaimana tipu Laksamana maka dapat membunuh penjurit itu?”

Maka diceritakan segala hal-ehwalnya. Maka baginda pun hairan terlalu sukacita. Maka baginda pun memberi anugerah akan Laksamana. Maka sembah Laksamana, “Ya tuanku, baiklah titahkan segala rakyat berangkat segala harta itu.”

Soalan 4 : Bahasa Melayu Standard

Kemudian titah baginda, "Bagaimanakah muslihat/ tipu/ helah Laksamana lalu/ sehingga dapat membunuh askar upahan itu?"

Lalu/ kemudian diceritakan segala peristiwa yang berlaku. Baginda pun berasa hairan dan terlalu/ sangat/ amat gembira/ sangat sukacita. Lalu/ kemudian baginda pun memberikan anugerah kepada Laksamana. Lalu/ Kemudian sembah Laksamana, " Ya tuanku, baiklah titahkan rakyat/ penduduk untuk mengangkut/ mengambil semua harta itu."

*Petikan di bawah mengandungi beberapa peribahasa. Senaraikan **dua** peribahasa sahaja, kemudian berikan **peribahasa yang sama maksud atau hampir sama maksud** dengan peribahasa tersebut.*

Lian Jia Li merupakan seorang pekerja baharu yang ditugaskan di syarikat gergasi itu. Oleh sebab dia tiada pengalaman bekerja, dia sering berjumpa dengan rakan sejawatan untuk menimba ilmu kerana baginya malu mengayuh perahu hanyut. Dia juga berpendapat dengan sikap bertanya akan melahirkan sikap mesra dan bekerjasama bagai aur dengan tebing. Dia juga suka berbincang akan tugas diamanahkan kerana pendapat yang berbeza antara satu dengan lain umpama lain padang lain belalang akan memberikan cetusan idea yang lebih baik.

i) malu mengayuh perahu hanyut

- malu bertanya sesat jalan

ii) aur dengan tebing

- berat sama dipikul, ringan sama dijinjing
- bukit sama didaki, lurah sama dituruni

iii) lain padang lain belalang

- banyak udang banyak garam, banyak orang banyak ragam
- lain dulang lain kakinya
- rambut sama hitam, hati lain-lain

Dunia sastera tenggelam timbul mengikut musim, sekalipun ada masanya khazanah warisan bangsa ini menghadapi zaman gerhana. Untuk mendekatkan dunia sastera ini kepada masyarakat tanpa membiarkannya terpinggir begitu sahaja, para-para penggiat sastera sepatutnya bekerja dengan lebih keras lagi. Hal ini disebabkan sastera merupakan wahana pembangunan salasilah umat manusia kerana manfaatnya menjadi milik seloroh sarwajagat.

Sastera merupakan pembina moral dan pengasuh kesusilaan jiwa tanpa batasan yang berupaya untuk mengukuh akar tamadun bangsa. Kami harus yakin bahawa sastera mampu membentuk jiwa yang kental untuk menghadapi cabaran hidup. Daripada sudut yang tidak terungkap, nilai sastera diterima sebagai suatu komponen keseluruhan kehidupan manusia oleh kerana sumbangannya dalam berbagai disiplin hidup. Kita harus memupuk minat generasi muda agar supaya terus memperjuangkan keperluan sastera di dalam kehidupan masyarakat.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Sastera Melayu Mengimpikan Dunia Lebih Luas' <http://klikweb.dbp.my/>

[11 markah]

BIL	KESALAHAN BAHASA	PEMBETULAN	JENIS KESALAHAN
(i)	para-para	para	Tatabahasa
(ii)	salasilah	sahsiah	Istilah
(iii)	seloroh	seluruh	Ejaan
(iv)	kesusilaan	keluhuran	Istilah
(v)	mengukuh	mengukuhkan	Imbuhan
(vi)	Kami	Kita	Tatabahasa
(vii)	daripada	dari	Tatabahasa
(viii)	oleh kerana	kerana	Tatabahasa
(ix)	berbagai	berbagai-bagai/pelbagai	Tatabahasa
(x)	agar supaya	agar/supaya	Tatabahasa
(xi)	di dalam	dalam	Tatabahasa

[Maksimum : 11 markah]

tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud

Maka oleh Bendahara Paduka Raja segala pohon kayu bakau dan nyirih dan tumpu api-api itu sekaliannya disuruhnya tambati puntung api. Telah dipandang oleh orang siam api tiada terbilang lagi banyaknya, maka kata hulubalang Siam, "Terlalu banyak kelengkapan perahu Melaka ini, tiada terbilang lagi. Jikalau ia datang apa hal kita? Sedang sebuah perahunya tadi lagi tiada terlawan oleh kita."

Bendahara Paduka Raja telah mengarahkan semua pokok kayu bakau, pokok nyirih dan tumpu api-api diikat dengan puntung api. Puntung api yang terlalu banyak itu telah dipandang oleh tentera siam, lalu hulubalang Siam berkata, "Terlalu banyak kelengkapan perahu Melaka sehingga tidak dapat dihitung. Sekiranya mereka datang menyerang kita, apakah nasib kita? Sedangkan sebuah perahunya pun tidak dapat kita lawan tadi."

[Maksimum 16 markah]

5. *Petikan di bawah ini mengandungi beberapa peribahasa. Senaraikan dua peribahasa sahaja, kemudian berikan peribahasa lain yang sama maksud atau hampir sama maksud dengan peribahasa tersebut.*

Isu dan gesaan pelbagai pihak supaya aktiviti menebang hutan dan menggondol bukit dihentikan seolah-olah masuk telinga kanan, keluar telinga kiri. Tindakan segelintir pihak yang merosakkan alam sekitar telah menyebabkan pihak yang diamanahkan untuk melaksanakan tugas memulihara alam sekitar turut dipersalahkan ibarat seekor kerbau membawa lumpur, semuanya terpalit. Tindakan yang diambil sesudah mendapat teguran itu tidak ubah seperti sudah terantuk baru tengadah kerana tindakan tersebut sudah tentu tidak bermakna lagi.

JAWABAN PERIBAHASA

BIL	PERIBAHASA	PERIBAHASA LAIN YANG SAMA MAKSUD ATAU HAMPIR SAMA MAKSUD
(i)	masuk telinga kanan, keluar telinga kiri	bagai mencurah air ke daun keladi
(ii)	ibarat seekor kerbau membawa lumpur, semuanya terpalit	kerana nila setitik, rosak susu sebelanga
(iii)	sudah terantuk baru tengadah	nasi sudah menjadi bubur

[Maksimum :4 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan **empat kata bantu**. Kemudian bina satu ayat anda sendiri daripada setiap **kata bantu** tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan tersebut sebagai peribahasa atau kata nama khas.

- 1 sudah
- 2 masih
- 3 telah
- 3 mahu
- 4 harus

Sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini sudah memasuki tahun kedua diraikan dalam suasana pandemik. Masyarakat di negara kita berada dalam kegelisahan ekoran gejala COVID-19 yang masih menular. Sebelum ini, usaha-usaha untuk mencapai kemerdekaan telah menyebabkan rakyat melalui pelbagai keperitan dan kesengsaraan dalam perjuangan bagi menentang penjajah. Terdapat rakyat yang berjuang dengan mengangkat senjata dan ada yang menggunakan ketajaman mata pena kerana mahu membebaskan negara daripada penjajah. Oleh itu, kita harus mempertahankan kemerdekaan demi generasi masa depan.

BALING - Debaran lebih 100 calon ujian lesen memandu kereta dan motorsikal di sebuah pusat latihan memandu di sini hilang seketika selepas menyertai kempen Kibar Jalur Gemilang. Pengarah Urusan Pakatan Latihan Memandu Baling, Muhammad Mumtaz Zulkifli berkata, syarikat berkenaan mewujudkan kempen berkenaan lebih awal bertujuan memberi kesedaran tentang bulan kemerdekaan. Menurutnya, inisiatif ini diharapkan mampu menarik lebih ramai rakyat menunjukkan semangat kemerdekaan yang sama sekaligus memupuk rasa patriotik dan cinta akan negara. "Kita turut memasang Jalur Gemilang pada semua kenderaan pusat latihan memandu dan kawasan sekitar," katanya menjelaskan tentang kempen berkenaan.

Bahan 2

Setiap warga negara bertanggungjawab memelihara keutuhan negara ini sebagai negara yang menentang segala bentuk penjajahan, eksploitasi, diskriminasi serta pelanggaran hak asasi manusia. Ketika tanah air ini dijajah mulai tahun 1511 oleh Portugis sehingga merdeka dari penjajah British pada tahun 1957, pengertian merdeka dalam kalangan golongan tua sangat bermakna. Lantaran itu, generasi muda perlu dididik agar faham makna kemerdekaan yang hakiki. Minda dan pandangan hidup merdeka hanya dapat diselami apabila erti penjajahan dapat difahami oleh mereka. Dalam hal ini, generasi muda perlu menyemai dengan nilai-nilai patriotisme sejak kecil.

Bahan 1

- | | | | |
|---|---------------------|---|---|
| 1 | motorsikal | - | motosikal |
| 2 | mewujudkan | - | melancarkan / mengadakan / melaksanakan |
| 3 | memberi | - | memberikan |
| 4 | sekaligus | - | sekali gus |
| 5 | menjelaskan tentang | - | menjelaskan |

- | | | | |
|---|--------------|---|-------------|
| 1 | warga negara | - | warganegara |
| 2 | eksploitasi | - | eksploitasi |
| 3 | dari | - | daripada |
| 4 | faham | - | memahami |
| 5 | diselami | - | dihayati |
| 6 | menyemai | - | disemai |

Berapa lamanya maka terdengar ke Majapahit kepada Patih Gajah Mada bahawa Kertala Sari sudah mati dibunuh oleh Laksamana. Maka Patih Gajah Mada pun mencari daya dan upaya hendak mengalahkan negeri Melaka dan membunuh Laksamana itu juga, sentiasa menyuruh ke gunung dan segenap bukit bertanyakan orang yang bercakap membunuh Laksamana dan Ratu Melaka

Kemudian berita / kejadian / peristiwa Kertala Sari sudah dibunuh oleh Laksamana telah diketahui oleh Patih Gajah Mada di Majapahit. Patih Gajah Mada berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menewaskan negeri Melaka dan membunuh Laksamana. Patih Gajah Mada mengarahkan seseorang ke gunung dan setiap bukit untuk mencari seseorang yang boleh membunuh Laksamana dan Ratu Melaka.

(Maksimum • 4 markah)

situasi dalam petikan tersebut.

Sudah berkali-kali Halimah menegur dan menasihati kawannya Rohaya. Segala nasihatnya tidak mendatangkan kesan, seperti _____(i)_____. Namun begitu, Halimah berpendirian _____ (ii) _____, begitulah hati seorang perempuan, jika dipujuk tentu akan lembut juga. Halimah tidak mahu temannya itu berputus asa dalam mengejar cita-cita, biarpun sukar, jika sabar dan bersungguh-sungguh kerana _____(iii) _____, kelak pasti berjaya.

(Maksimum • 3 markah)

- 1 Mencurah air ke daun keladi / mencurah garam ke laut / masuk telinga kanan, keluar telinga kiri
- 2 Sekeras-keras kerak nasi, direndam akan lembut juga
- 3 Genggam bara api biar sampai jadi arang / alang-alang menyeluk pekasam biarlah sampai ke pangkal lengan / alang-alang berdakwat biar hitam / alang-alang berminyak biar licin / alang-alang mandi biar basah

tersebut.

Taktik pertanian moden seperti teknologi hidroponic mengurangkan pengguna tenaga buruh dan ruang yang minima. Oleh sebab itu, banyak petani-petani cenderung menggunakan peralatan moden kerana menjimatkan masa. Sampai bilakah pertanian harus dimonopoli golongan berusia. Penggunaan dron untuk menguruskan ladang mampu menggantikan penggunaan tenaga buruh. Kepsatan teknologi sebagai daya penarik untuk para belia menceburi aspek pertanian. Masyarakat perlu mengikis persepsi positif berkaitan sektor ini walaupun kemahiran dan kelulusan menjadi kayu ukur demi untuk melonjakkan pertanian negara.

Dipetik dan diubah suai daripada

Internet

Bil	Kesalahan Tatabahasa	Pembetulan
1	taktik	Kaedah / Amalan / Teknik
2	hidroponic	hidroponik
3	pengguna	penggunaan
4	minima	minimum
5	banyak petani-petani	banyak petani / petani-petani
6	. (tanda noktah)	? (tanda soal)
7	mengantikan	menggantikan
8	teknoloji	teknologi
9	aspek	bidang / sektor
10	positif	negatif
11	walaupun	kerana / bahkan

Setelah hari malam maka Kertala Sari pun masuklah ke dalam kota. Maka didengarnya bunyi orang berkawal dan bunyi lembing perisai gemeretak. Maka Kertala Sari pun membaca pustakanya lalu ia berjalan pada tengah orang banyak itu lalu masuk ke rumah Bendahara. Maka dicurinya harta yang kemas-kemas lalu dibawanya kembali.

Setelah hari siang maka Bendahara pun gemparlah mengatakan kecurian.

Caraangan jawapan.

Apabila hari malam Kertala Sari masuk ke dalam kota. Dia mendengar bunyi orang berkawal dan bunyi lembing tangkis-menangkis. Kertala Sari pun membaca manteranya sambil berjalan di tengah-tengah orang ramai lalu masuk ke dalam rumah Bendahara. Dia mencuri harta yang berharga dan membawanya pergi.

Apabila hari siang, Bendahara terkejut lalu mengatakan berlaku kecurian.

[6 markah]

*Dialog di bawah mengandungi beberapa peribahasa. Senaraikan **tiga peribahasa** sahaja, kemudian berikan **maksud** peribahasa tersebut.*

Nazirah	: Saya sangat sedih apabila memperoleh keputusan peperiksaan yang lepas. Saya gagal dalam mata pelajaran Matematik, Sains dan Prinsip Perakaunan. Sudah pasti perasaan ibu bapa saya bagai kaca terhempas ke batu apabila mengetahui keputusan ini.
Izzati	: Janganlah terlalu sedih kerana awak masih ada peluang untuk memperbaiki kesilapan yang lalu. Awak perlu berusaha dengan lebih gigih untuk mencapai kejayaan kerana kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya.
Nazirah	: Terima kasih Izzati atas nasihat ini. Saya akan berusaha bersungguh-sungguh kerana belakang parang kalau diasah lagikan tajam. Saya yakin dapat memperoleh kejayaan yang cemerlang. Kegagalan yang lepas akan saya jadikan pengajaran agar pisang tidak berbuah dua kali.

1. **Bagai kaca terhempas ke batu**

Maksud : hati yang hancur kerana dukacita

2. **Kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya**

Maksud : cita-cita tanpa usaha tidak akan tercapai

3. **Belakang parang kalau diasah lagiakan tajam**

Maksud : orang yang bodoh kalau diajar / belajar bersungguh-sungguh pasti memperoleh kejayaan

4. **Pisang tidak berbuah dua kali**

Maksud : sentiasa berhati-hati agar tidak melakukan kesilapan yang sama

Petikan di bawah mengandungi **pelbagai kesalahan bahasa**. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut semula.

Bagi mengekang amalan rasuah, setiap ketua Jabatan perlu membentuk sistem pemantauan dan kelulusan bertapis. Langkah ini bukan bertujuan mewujudkan karenah birokrasi tetapi mengurangkan keputusan terhadap sesuatu pembelian berpusat kepada seseorang sahaja. Selain itu, pemeriksaan mengejut di atas pelaksanaan projek wajar dilaksanakan bertepatan konsep padang turun. Prosedur operasi standard (SOP) sistem pengurusan kewangan, terutama dari segi membezakan kuasa bual bicara selalu disalahgunakan perlu diteliti semula. Oleh itu, semua prosedur hendaklah dipatuhi dan tiada dikecualikan. Di samping itu, kerajaan juga boleh merangka undang-undang untuk mengambil tindakan punitif terhadap pegawai hingga menyebabkan ketirisan, pemborosan atau pembaziran harta kerajaan. Dalam hal ini, kerjasama orang ramai juga penting bagi membolehkan SPRM bertindak elektif dan bebas. Justeru itu, lapor dan bongkar kegiatan rasuah dalam jabatan masing-masing. SPRM dilindungi pemberi maklumat secara profesional.

Dipetik dan diubah suai daripada

'Usah takut lapor, bongkar rasuah dalam jabatan kerajaan'

oleh Datuk Seri Akbar Satar,

Berita Harian Online, 8 April 2021

[6 markah]

Bahan 1

(i)	Jabatan	-	jabatan
(ii)	karenah	-	kerenah
(iii)	di	-	ke
(iv)	padang turun	-	turun padang
(v)	bual	-	budi
(vi)	dikecualikan	-	pengecualian
(vii)	hingga	-	kerana/yang
(viii)	harta	-	dana
(ix)	elektif	-	efektif
(x)	Justeru itu	-	Oleh itu
(xi)	dilindungi	-	melindungi

Berapa lamanya hatta hari pun malamlah. Maka Kertala Sari pun bersikap dirinya; maka lalu berjalan masuk ke dalam kota. Maka ia masuk ke rumah seorang saudagar yang kaya. Maka dilihat oleh Kertala Sari saudagar itu lagi makan nasi laki isteri. Maka Kertala Sari pun masuk makan bersama-sama dengan saudagar itu. Hatta setelah jauh malam, maka saudagar itu pun masuk tidur. Maka oleh Kertala Sari dicurinya segala harta saudagar itu sekuasa-kuasa ia membawa dan bini saudagar itu pun dicabulinya.

Setelah beberapa lama, hari pun malam. Kertala Sari menyiapkan diri lalu memasuki kota. Kertala Sari memasuki rumah saudagar kaya. Lalu Kertala Sari melihat saudagar kaya sedang makan dengan isterinya. Dia pun duduk makan dengan saudagar dan isterinya. Setelah larut malam, saudagar itu pun tidur. Kertala Sari mencuri semua harta saudagar semampunya dan mencabuli/menodai isteri saudagar tersebut. Kertala Sari balik ke tempat persinggahannya itu.

[Maksimum : 6 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti. Senaraikan **dua** peribahasa yang berkaitan dengan situasi tersebut.

ALIA : Awak buat apa sementara menunggu tawaran kerja?

RANIA : Saya menolong ibu membuat kuih untuk jualan di warung dan di kantin sekolah. Saya membuat kerja sementara sahaja untuk mendapatkan wang saku. Sekarang bukan senang mendapat kerja.

ALIA : Memang sukar hendak dapat kerja sekarang tetapi jika kita tekun dalam melakukan sebarang pekerjaan, lama-lama akan mendapat hasil juga.

RANIA : Saya bersyukur kerana telah menamatkan pengajian. Sekurang-kurangnya saya ada ilmu untuk membantu saya meneruskan kehidupan pada hari depan.

ALIA : Saya tahu awak sangat rajin belajar, jika tidak masakan awak boleh berjaya menamatkan pengajian. Saya doakan awak akan mendapat kerja yang sesuai dengan cita-cita dan kelulusan awak.

sambil menyelam minum air/belayar sambil memapan, merapat sambil belayar/berkayuh
sambil bertimba/berkayuh sambil ke hilir/sambil berdendang, biduk hilir/ sambil berdiang,
nasi masak/sekali membuka pura, dua tiga hutang terbayar/sekali merengkuh dayung, dua
tiga pulau terlampau

usaha tangga kejayaan/di mana ada kemahuan di situ ada jalan/ hendak seribu daya tak
hendak seribu dalih/genggam bara api

bagai lebah menghimpun madu/bagai anai-anai makan kayu

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan dua kata penekan dan dua kata penguat. Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Usahawan dalam kalangan remaja bukan lagi sesuatu yang luar biasa. Sesungguhnya, pada hari ini, sesiapa yang paling rajin, berani dan cekal boleh menjadi usahawan tanpa mengira usia dan jantina. Hal ini didorong oleh kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi yang membolehkan sesiapa sahaja yang ingin menjalankan perniagaan dan mengaut keuntungan sangat lumayan malahan tanpa batasan menerusi perniagaan secara dalam talian. Nampaknya, banyak remaja di dunia ini yang bergelar jutawan dalam masa yang pantas sekali. Bahawasanya, kejayaan luar biasa mereka menjadi inspirasi kepada banyak orang.

Kata Penguat [terima dua sahaja]

- (i) paling
~teramat, amat sangat
- (ii) sangat
~terlalu, terlampau, hebat, kuat, menjadi teruk, benar-benar, sememangnya
- (iii) sekali
~satu kali, suatu ketika, semuanya pada satu waktu, semuanya atau seluruhnya, amat, terlalu, sangat

Kata Penekan [terima dua sahaja]

- (i) Sesungguhnya
~bahawasanya, sebenarnya, sebetulnya, memang, sememangnya
- (ii) Bahawasanya
~bahawa, sesungguhnya, sebenarnya
- (iii) Nampaknya
~rupa-rupanya

Sering kali persoalan hak cipta timbul apabila berlaku penindasan terhadap hak ekonomi penulisnya. Seorang penulis yang telah mengorbankan waktu dan tenaga semasa menghasilkan karyanya akan merasa sungguh kecewa dan tertipu apabila cenderamata yang dijanjikan tidak tiba pada masa yang telah ditetapkan. Perkara yang lebih dikecewakan ialah penulis mengetahui bahawa karyanya telah terjual. Sikap tidak ambil peduli dan meremehkan persoalan hak cipta ini lama-kelamaan akan membunuh masa hadapan industri dan nilai kemanusiaan. Apabila isu tentang pelanggaran hak cipta berlaku, seharusnya kita tidak boleh tangan lepas dan membiarkan kegiatan itu tanpa sebarang usaha untuk bertindak.

Bagi seseorang penulis dan pengkarya kreatif, pandemik COVID-19 menjadi pencetus aspirasi walaupun terpaksa menelan seribu rasa kisah kehidupan yang penuh kepahitan, kesengsaraan, keperitan dan kedudukan. Di waktu itu, berbekalkan pengalaman dan kesungguhan, pengkarya mampu menghasilkan karya sebagai perakam sejarah yang mencatatkan segala jerih-perih kehidupan manusia memerangi virus berbahaya yang menjadi mimpi ngeri di seluruh dunia. Oleh itu, mereka yang menulis karya kreatif tidak sahaja terdiri daripada mangsa COVID-19, malahan karya tersebut juga dapat dihasilkan oleh para doktor-doktor, jururawat dan petugas kesihatan.

Bahan 1

(i)	Sering kali	-	seringkali
(ii)	merasa	-	berasa
(iii)	cenderamata	-	ganjaran
(iv)	dikecewakan	-	mengecewakan
(v)	kemanusiaan	-	kemanusiaan
(vi)	tangan lepas	-	lepas tangan

Bahan 2

(i)	aspirasi	-	inspirasi
(ii)	Di	-	Pada
(iii)	jerih-perih	-	jerih perih
(iv)	tidak	-	bukan
(v)	para doktor	-	doktor- para doktor

Adapun akan Tun Kudu itu diperisterikan Duli Yang Dipertuan, terlalu baik rupanya, tetapi matanya juling sedikit. Telah baginda mendengar sembah Seri Nara Diraja demikian, maka dengan sesaat itu juga ditalak baginda, dihantarkan ke rumah Paduka Raja, diberi belanja, disuruh berhadir akan kahwin dengan Seri Nara Diraja. Maka kata segala anak buah Seri Nara Diraja, "Bagaimana maka datuk hendak beristeri muda, kerana datuk sudah tua, dan bulu mata dengan kening sudah bertemu?"

Tun Kudu merupakan isteri kepada Duli Yang dipertuan, rupanya sangat cantik tetapi matanya juling sedikit. Setelah baginda mendengar sembah Seri Nara Diraja itu, baginda menceraikan Tun Kudu, dan segera dihantar pulang ke rumah Paduka Raja, diberi belanja serta disuruh berkahwin dengan Seri Nara Diraja. Semua anak buah Seri Nara Diraja bertanya, "Bagaimana datuk hendak beristeri muda, kerana datuk sudah tua, bulu mata dan kening sudah bertemu?"

Baca petikan di bawah dengan teliti. Dalam petikan di bawah mengandungi beberapa peribahasa. Senaraikan dua peribahasa dan berikan maksud bagi peribahasa yang dipilih.

Sejak usia setahun jagung, darah setampuk pinang lagi, ibu bapa Amir telah mendidik anak-anaknya agar berbudi bahasa dan hormat akan orang tua. Bukan itu sahaja, adik-beradik Amir juga terpelajar dan ada yang menuntut di luar negara. Namun tidak disangka-sangka, Amir telah melakukan tindakan di luar jangkaan kerana berkahwin secara diam-diam di Thailand dengan seorang gadis yang baru sahaja dikenalnya sebulan yang lalu. Sungguh luluh hati kedua-dua ibu bapa Amir bagai kaca terhempas ke batu dengan berita yang mengejutkan ini. Lebih malang lagi, bapa Amir diserang penyakit jantung setelah mengetahui berita tersebut dan seperti sudah jatuh ditimpa tangga, ibu Amir pula terkorban dalam kemalangan jalan raya ketika dalam perjalanan membawa suaminya ke hospital.

- (i) Peribahasa berdasarkan situasi. [terima dua sahaja]
- (i) peribahasa : usia setahun jagung, darah setampuk pinang
maksud : seseorang yang masih muda
- (ii) peribahasa : bagai kaca terhempas ke batu
maksud : hati yang hancur kerana dukacita/sedih
- (iii) peribahasa : sudah jatuh ditimpa tangga
maksud : berturut-turut mendapat kesusahan

Bahan 1

Minda yang sihat membolehkan kita melakukan pelbagai tugas-tugas harian dengan jayanya. Sekiranya minda anda dibelenggu dengan tekanan dan pemikiran negatif, anda akan berasa letih dan tidak dapat menyelesaikan tugas yang guru berikan. Minda yang sihat akan merangsang dan mengekal memori anda. Seterusnya, amat penting untuk kita menerima apa juga masalah atau cabaran sebagai satu perkara yang telah ditakdirkan. Dalam kontek ini, keyakinan diri amat diperlukan untuk mendepani tekanan atau cabaran.

Dipetik dan diubah suai daripada

'Minda Positif, Amalkan Gaya Hidup Sihat'

oleh Hanis Mastura Yahya,

Dewan Siswa, Bil. 11/2021

[6 markah]

Bahan 2

Kekurangan bekalan makanan dan kenaikan harga barang menjadi isu hangat yang disebutkan dalam kalangan masyarakat kini. Salah satu jalan penyelesaian terhadap masalah ini adalah dengan menjalankan aktiviti bercucuk tanam. Kerajaan sentiasa menggalakan masyarakat bercucuk tanam di sekitar kawasan rumah untuk menghasilkan bekalan makanan sendiri, sekaligus dapat menambahkan pendapatan keluarga. Jika sesebuah rumah terletak jauh daripada pasar atau kedai runcit, pasti kos perbelanjaan terpaksa di tambah kerana kos perjalanan perlu diambilkira.

Bahan 1

- | | | | |
|-------|----------------------|---|----------------------------|
| (i) | Pelbagai tugas-tugas | – | pelbagai tugas/tugas-tugas |
| (ii) | negatif | – | negatif |
| (iii) | guru berikan | – | diberikan oleh guru |
| (iv) | mengekal | – | mengekalkan |
| (v) | apa | – | apa-apa |
| (vi) | kontek | – | konteks |

Bahan 2

- | | | | |
|-------|-------------|---|--------------|
| (i) | disebutkan | - | dibincangkan |
| (ii) | mengalakan | - | mengalakkan |
| (iii) | sekaligus | - | sekali gus |
| (iv) | daripada | - | dari |
| (v) | di tambah | - | ditambah |
| (vi) | diambilkira | - | diambil kira |

Tatkala itu Kertala Sari sudah datang dari Daha, terlalu banyak beroleh harta daripada emas dan perak dan pakaian dan pitis berpuluh-puluh juta dan orang banyak dicurinya. Setelah sudah Kertala Sari datang ke rumahnya, maka ia pun bertanya kepada ibunya, "Hai ibuku, ke mana pergi bapaku maka tiada aku lihat ini?"

Apabila Kertala Sari pulang dari Daha dan memperoleh banyak harta yang terdiri daripada emas, perak, pakaian, duit berpuluh-puluh juta dan banyak orang dicurinya. Setelah Kertala Sari sampai ke rumah, dia bertanya kepada ibunya, "Wahai ibuku, ke mana bapaku pergi, aku tidak melihatnya?"

Dialog di bawah mengandungi tiga peribahasa. Senaraikan peribahasa tersebut dan nyatakan peribahasa lain yang sama maksud atau hampir sama maksud dengan peribahasa tersebut.

Ayah : Azim jagalah diri baik-baik ketika di rantau orang. Di sana nanti sesuaikan diri dengan budaya dan adat resam mereka. Ikutlah nasihat orang tua-tua, iaitu di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung.

Azim : Terima kasih ayah. Saya akan sematkan nasihat ayah itu dalam hati saya.

Ayah : Di luar negara nanti ayah berharap Azim belajarlah rajin-rajin dan berusaha bersungguh-sungguh untuk berjaya kerana usaha tangga kejayaan.

Azim : Saya tidak lupa akan nasihat ayah itu.

Ayah : Satu lagi pesanan ayah, setelah tamat belajar pulanglah berkhidmat di negara kita kerana berapa tinggi terbang bangau, akhirnya hinggap di belakang kerbau juga.

[6 markah]

	Peribahasa dalam dialog	Peribahasa sama maksud
1	Di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung	- masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak
2	Usaha tangga kejayaan	- di mana ada kemahuan di situ ada jalan - kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya.
3	Berapa tinggi terbang bangau, akhirnya hinggap di belakang kerbau juga.	- belut pulang ke lumpur - haruan / ikan pulang ke lubuk

*Petikan ceramah di bawah mengandungi beberapa kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan-kesalahan tersebut. Senaraikan dan betulkan **sebelas** kesalahan sahaja. Anda tidak perlu menyalin ceramah tersebut.*

Assalamualaikum dan selamat sejahtera saya ucapkan pada Puan Norhanis bt Ismail, Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Durian Musang, barisan penolong kanan, guru-guru dan semua rakan yang dikasihi. Pada pagi ini, saya akan memberikan ceramah bertajuk 'Menghargai Jasa Ibu Bapa.'

Warga dewan yang saya muliakan,

Apabila kita berdiskusi mengenai kedua ibu bapa kita, saya yakin kita sama-sama akan terkenang jasa ibu bapa yang terlalu banyak dalam membesarkan kita. Sehubungan itu, kita sewajarnya berusaha untuk membalas jasa mereka dengan apa-apa cara sekalipun.

Kita tidak boleh sesekali mengguris perasaan mereka kerana reda mereka sangat penting untuk kehidupan kita.

Sebagai murid, kita sepatutnya belajar bersungguh untuk mencapai kejayaan di dalam peperiksaan agar mereka berbangga dengan kita. Selain cemerlang dalam bidang akademik, kita juga perlu mempunyai shahsiah terpuji. Kita sewajarnya dipatuhi semua nasihat dan pandangan mereka.

Kita juga perlu berazam untuk jaga mereka apabila mereka dewasa nanti. Kita perlu sentiasa mendoakan agar mereka sejahtera di dunia dan akhirat.

[11 markah]

(i)	pada	-	kepada
(ii)	memberikan	-	menyampaikan
(iii)	kedua	-	kedua-dua
(iv)	Sehubungan itu	-	Sehubungan dengan itu
(v)	mengguris	-	menggores
(vi)	bersungguh	-	bersungguh-sungguh
(vii)	di dalam	-	dalam
(viii)	shahsiah	-	sahsiah
(ix)	dipatuhi	-	mematuhi
(x)	jaga	-	menjaga
(xi)	dewasa	-	tua / berusia

Setelah sudah ibunya mendengar kata anaknya demikian itu, maka ibunya pun menangis, seraya berkata, "Hai anakku, yang bapamu itu sudah mati dibunuh oleh seorang Melayu bernama Laksamana Hulubalang Ratu Melaka."

Setelah Kertala Sari mendengar kata ibunya demikian itu, maka Kertala Sari pun terlalu marah, katanya, "Siapa menyuruh membunuh bapaku itu supaya negeri Majapahit ini habis kubinasakan?"

Setelah mendengar kata-kata anaknya, ibunya menangis sambil berkata, "Hai anakku, bapamu sudah mati dibunuh oleh seorang Melayu yang bernama Laksamana Hulubalang Ratu Melaka."

Setelah Kertala Sari mendengar kata ibunya, Kertala Sari terlalu marah, lalu berkata, "Siapakah yang menyuruh membunuh bapaku supaya negeri Majapahit habis aku binasakan."

Baca dialog di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai bagi mengisi tempat kosong dalam dialog tersebut.

Nik : Jika mahu berjaya kita perlu belajar bersungguh-sungguh dan jangan mudah berputus asa.

Rehan : Saya setuju. Tanpa usaha kita tidak akan berjaya bak kata pepatah.....
Kita mesti bekerja keras untuk berjaya.

Nik : Sebagai sahabat kita perlu berusaha dan menyelesaikan masalah dalam pelajaran bersama-sama umpama

Rehan : Kejayaan yang cemerlang tidak akan dicapai dengan mudah.

- (i) - usaha tangga kejayaan
- genggam bara api biar sampai jadi arang
- (ii) – bagai aur dengan tebing
- berat sama dipikul ringan sama dijinjing

Petikan di bawah mengandungi **sebelas kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada sebelas kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.

Harimau belang atau nama saintifiknya *Panthera tigris jacksoni*, sinonim dengan sapaan “Harimau Malaya” atau “Pak Belang” di kalangan masyarakat di Malaysia. Harimau Malaya dikenal dengan rupanya yang garang, pesona warna, bentuk belang di badannya dan ngaumannya yang mengerunkan semua haiwan di seluruh pelusuk rimba. Harimau Malaya menjadi simbol rasmi kerajaan Malaysia yang diperlihatkan melalui Jata Negara Malaysia selain daripada digunakan sebagai lambang organisasi, institusi, penubuhan, dan sebagainya. Harimau Malaya ialah ikon yang berlambangkan keberanian, perpaduan dan integriti negara. Daripada sudut sains, Harimau Malaya merupakan puncak rantaian makanan dalam eko-sistem kita.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Harimau Malaya: Kemandiriannya di Tangan Kita’
Oleh Hazril Rfnan Abdul Halim.
Dewan Kosmik, 07/2021

[11 markah]

SOALAN 3: PENYUNTINGAN

Salah	Betul
1. saintifiknya	- saintifiknya [ejaan]
2. sapaan	- panggilan [tatabahasa]
3. di kalangan	- dalam kalangan [tatabahasa]
4. dikenal	- terkenal [imbuhan]
5. bentuk	- corak [tatabahasa]
6. mengerunkan	- menggerunkan [ejaan]
7. pelusuk	- pelosok [ejaan]
8. selain daripada	- selain [tatabahasa]
9. penubuhan	- pertubuhan [ejaan]
10. berlambangkan	- melambangkan [imbuhan]
11. Daripada	- Dari [tatabahasa]
12. eko-sistem	- ekosistem [ejaan]

Maka oleh Kertala Sari segala hulubalang yang menghadap sama-sama itu dilihatnya seorang kepada seorang. Maka Kertala Sari pun pandang pada Laksamana; maka fikir dalam hatinya. “Dialah gerangan hulubalang Melaka yang bernama Laksamana itu. Jikalau demikian lakunya. Sungguhlah ia dapat membunuh bapaku, kerana ia penjurit besar lagi kepetangan.”

Cadangan jawapan:

Maka oleh Kertala Sari segala hulubalang yang menghadap sama-sama itu dilihatnya seorang kepada seorang.	Lalu Kertala Sari melihat semua hulubalang yang datang menemui sultan seorang demi seorang.
Maka Kertala Sari pun pandang pada Laksamana; maka fikir dalam hatinya. “Dialah gerangan hulubalang Melaka yang Bernama Laksamana itu.	Lalu Kertala Sari memandang Laksamana; lalu dia berfikir dalam hatinya, “Dialah hulubalang Melaka yang bergelar Laksamana.
Jikalau demikian lakunya. Sungguhlah ia dapat membunuh bapaku, kerana ia penjurit besar lagi kepetangan.”	Jika begini gayanya, benarlah dia dapat membunuh bapaku, kerana dia pahlawan besar dan berpengalaman/berilmu.”

Baca petikan dibawah dengan teliti. Kemudian, isikan tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai.

Sekolah merupakan institusi formal yang mampu melahirkan modal insan yang akan memajukan negara. Bagi mencapai matlamat ini, guru-guru hendaklah menjalin hubungan yang erat dengan murid-murid di samping bekerjasama bagai _____ (i) _____.

Selain itu, mereka perlulah berusaha dengan gigih dan rajin untuk menempa kecemerlangan kerana _____ (ii) _____. Sebagaimana yang diketahui, resipi kejayaan seseorang murid ialah permuafakatan antara guru dengan ibu bapa dalam melaksanakan pelbagai program untuk meningkatkan prestasi murid-murid dalam akademik. Apabila bermuafakat, sesuatu kejayaan mudah diperoleh kerana _____ (iii) _____.

- i. Bagai aur dengan tebing
- ii. Usaha tangga kejayaan/di mana ada kemahuan, di situ ada jalan/yang bulat tidak datang bergolek yang pipih tidak datang melayang/kalua tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya.
- iii. Muafakat membawa berkat/bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat.

Bahan-bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Dalam Bahan 1 terdapat enam kesalahan manakala dalam Bahan 2 terdapat lima kesalahan. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Bagi setiap bahan anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada jumlah kesalahan yang dinyatakan dalam arahan soalan. Anda tidak perlu menyalin semula bahan-bahan tersebut.

Bahan 1

Dunia teknologi hari ini memerlukan keupayaan mahasiswa yang bukan sahaja cermelang dalam bidang dipelajari sebaliknya mampu diterjemahkan secara praktikal dalam industri. Perkembangan pesat industri seiring dengan dunia semasa sekaligus memerlukan mereka sentiasa bersedia. Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) mengambil insentif untuk menjalinkan kolaboratif bersama dengan pemain industri kepada memenuhi pasaran pekerjaan. Naib Canselor UniMAP, Profesor Dr. Zaliman Sauli berkata, UniMAP mengambil langkah proaktif dengan menjalin perjanjian dengan pemain industri.

Bahan 1

- | | | |
|----------------|---|-------------|
| i. mahasiswa | - | graduan |
| ii. cermelang | - | cemerlang |
| iii. sekaligus | - | sekali gus |
| iv. insentif | - | inisiatif |
| v. kepada | - | bagi |
| vi. menjalin | - | menjalinkan |
-
- | | | |
|----------------------------------|---|--------------------------------------|
| i. menghapuskan | - | mengharamkan |
| ii. atas | - | dalam |
| iii. pandang | - | memandang |
| iv. gulungan | - | golongan |
| v. beberapa buah negara haramkan | - | diharamkan oleh beberapa buah negara |

Berapa lamanya hatta hari pun malamlah. Maka Kertala Sari pun bersikap dirinya; maka lalu berjalan masuk ke dalam kota. Maka ia masuk ke rumah seorang saudagar yang kaya. Maka dilihat oleh Kertala Sari saudagar itu lagi makan nasi laki isteri. Maka Kertala Sari pun masuk makan bersama-sama dengan saudagar itu. Hatta setelah jauh malam, maka saudagar itu pun masuk tidur.

Tidak lama kemudian hari pun malam. Kertala Sari pun menjadi dirinya yang sebenar; kemudian dia berjalan masuk ke dalam kota. Seterusnya dia/Kertala Sari masuk ke dalam rumah seorang saudagar yang kaya. Kertala Sari melihat saudagar itu sedang makan nasi bersama-sama isterinya. Kertala Sari pun masuk lalu makan bersama-sama saudagar itu. Setelah larut malam, saudagar itu pun tidur.

*Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian nyatakan **dua** peribahasa yang sesuai dengan situasi dalam petikan tersebut.*

Datuk Fazley Hakim seorang usahawan yang berjaya dan terkenal di seluruh negara. Kejayaan yang diperolehi kerana beliau sentiasa memantau para pekerja bawahan di syarikatnya. Sepanjang beliau menguruskan perniagaannya, pelbagai rintangan telah berjaya dihadapi oleh beliau bersama-sama kakitangannya. Datuk Fazley Hakim juga tidak terlepas daripada membuat kesilapan. Namun beliau sentiasa bermuhasabah diri. Hal ini demikian kerana kita hendaklah sentiasa insaf dan berusaha untuk membetulkan kesalahan apabila kita menyedari kesalahan yang telah dilakukan.

- | | |
|--|---|
| i. Turun padang | 2 |
| ii. Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing / Ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni | 2 |
| iii. Bumi mana yang tidak ditimpa hujan | 2 |
| iv. Sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan | 2 |

Bahan 1

MAKLUMAT PENUTUPAN SEMENTARA PREMIS

Alamat :
**F03, Jalan Cempaka Baharu,
Taman Kemilau Cahaya**

Pelanggan yang dihormati,
Dimaklumkan yang Klinik Harmoni akan ditutup sementara waktu bermula
1 Februari 2022 bagi melancarkan proses mengubah suai premis.

Walau bagaimanapun, para pelanggan yang ingin mendapatkan rawatan boleh
ke cawangan yang lain kami di alamat :

**210, Jalan Dahlia Mekar,
Taman Intan Baiduri**

Premis ini akan dibuka semula pada 1 March 2022
Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan,
sila hubungi pihak kami ditalian :
010-6663333



[6 markah]

Bahan 2

- Zawani : Zeti, pilihlah apa yang kamu suka. Hari lahir kamu sudah sebulan berlalu.
- Zeti : Terima kasih Zawani atas ingatan dan hadiah yang diberikan oleh kamu ini. Saya amat menghargainya.
- Zawani : Sama-sama Zeti. Selepas ini, kita hendak ke mana ya? Ada lain-lain barang yang kamu hendak beli?
- Zeti : Baiklah sebelum kita menuntun filem Mat Kilau, saya nak belanja kamu makan ais kerim Baskin Robin.
- Zawani : Wah, seronoknya! Kalau begitu, marilah kita segera ke sana. Kita hanya ada tiga puluh minit sebelum waktu tayangan filem dimula.

[5 markah]

- | | |
|-----------------------------|----------------------------------|
| (i) Maklumat | – MAKLUMAN / Makluman / makluman |
| (ii) yang | – bahawa |
| (iii) Klinik | – Klinik |
| (iv) Mengubah suai | – pengubahsuaian |
| (v) Cawangan yang lain kami | – cawangan kami yang lain |
| (vi) March | – Mac |
| (vii) ditalian | – di talian |

Bahan 2

- | | |
|--------------------------|----------------------|
| (i) apa | – apa-apa |
| (ii) diberikan oleh kamu | – kamu berikan |
| (iii) lain-lain barang | – barang-barang lain |
| (iv) menuntun | – menonton |
| (v) ais kerim | – ais krim |
| (vi) dimula | – bermula |

Maka Seri Nara Diraja pun tersenyum. Maka Tun Nina Madi digelar oleh Sultan Muzaffar Syah Tun Bijaya Maha Menteri. Setelah Paduka Raja dan Seri Nara Diraja dua orang itu menjadi orang besar, maka anak Melayu pun berbelah, setengah pada Paduka Raja, setengah pada Seri Nara Diraja, kerana kedua-duanya sama orang berasal.

Seri Nara Diraja tersenyum. Tun Nina Madi diberi gelaran oleh Sultan Muzaffar Syah sebagai Tun Bijaya Maha Menteri. Setelah Paduka Raja dan Seri Nara Diraja menjadi pembesar, anak Melayu telah berpecah iaitu sebahagian berpihak kepada Paduka Raja dan sebahagian lagi berpihak kepada Seri Nara Diraja, kerana kedua-duanya keturunan yang baik-baik.

*Petikan di bawah mengandungi beberapa peribahasa. Senaraikan **dua** peribahasa sahaja, kemudian berikan peribahasa sama maksud bagi peribahasa yang disenaraikan.*

Menyedari betapa bahayanya merokok, Pertubuhan Kesihatan Sedunia telah menzahirkan Hari Dunia Tanpa Tembakau yang disambut pada 31 Mei setiap tahun. Namun, kesedaran amat payah untuk disuntik dalam diri kebanyakan individu yang merokok lantaran hakikat banyak udang banyak garam, banyak orang banyak ragam. Usaha ini akan menjadi sia-sia seperti hujan jatuh ke pasir sahaja sekiranya tidak mendapat kerjasama daripada masyarakat. Perokok akan tetap dengan pendirian mereka untuk meneruskan amalan negatif ini tanpa menghiraukan keluarga dan orang sekeliling yang seperti duduk dalam duri apabila terkena asap rokok yang dibebaskan.

[4 markah]

- (i) **banyak udang banyak garam, banyak orang banyak ragam**
 - Rambut sama hitam, hati lain-lain
 - Lain dulang lain kakinya
- (ii) **seperti hujan jatuh ke pasir**
 - Seperti mencurah air ke daun keladi
 - Masuk telinga kanan keluar telinga kiri
 - Seperti mencurah garam ke laut
- (iii) **seperti duduk dalam duri**
 - Seperti cacing kepanasan